

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 March 2016

UMNO Melaka gesa pecat ahli, pemimpin sokong Dr. Mahathir

UM-8/3/2016

MELAKA 7 Mac - UMNO Melaka menggesa tindakan tegas diambil terhadap mana-mana ahli dan bekas pemimpin dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) yang bersekongkol dengan gerakan Tun Dr. Mahathir Mohamad serta para penyokongnya untuk menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Idris Haron menegaskan, pihaknya menolak sekeras-kerasnya tindakan terkini Dr. Mahathir, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir dan beberapa pemimpin UMNO yang lain sambil menyifatkan langkah mereka itu merupakan penderhakaan terhadap BN dan perjuangan ahli parti.

Beliau yang juga Pengerusi BN Melaka berkata, ahli dan pemimpin UMNO yang berbuat demikian perlu dipecat kerana tidak lagi mempunyai semangat serta 'roh' UMNO itu sendiri yang diterjemah melalui cogan kata 'bersatu, bersetia, berkhidmat'.

"BN Melaka sebulat suara mendesak agar tindakan segera dan sekeras-kerasnya diambil terhadap semua mereka yang bersekongkol dengan pakatan Dr. Mahathir dan pembangkang. Kami juga meminta semua pucuk pimpinan parti komponen BN mengambil tindakan tatatertib terha-

dap ahli-ahli yang turut bersama gerakan itu.

"Tindakan 58 individu ini melalui pakatan berkenaan yang mendesak supaya Najib meletakkan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri bukan sahaja tidak mewakili hasrat majoriti 31 juta penduduk Malaysia, bahkan ia juga tidak menghayati prinsip demokrasi serta memperlekehkan mandat yang diberikan oleh rakyat kepada beliau pada pilihan raya umum tahun 2013 lalu," katanya.

Idris yang juga Ketua Menteri Melaka berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempekerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Melaka dan BN negeri di Seri Bendahara di sini tengah malam tadi.

Tindakan Dr. Mahathir serta beberapa tokoh UMNO melahirkan kekecewaan dengan bersekongkol bersama pembangkang bukan sahaja membangkitkan kemarahan ahli parti serta penyokong BN, malah tidak boleh diterima oleh rakyat termasuk mereka yang berada 'di atas pagar'.

Ini terbukti apabila pelbagai pihak terus mengkritik pakatan bekas Perdana Menteri itu dengan Penasihat



IDRIS HARON

DAP, Lim Kit Siang dan bekas Pengerusi Bersih, S. Ambiga yang bertujuan menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri.

Idris berkata, adalah sesuatu yang tidak masuk akal apabila seseorang itu masih mahu bersama UMNO tetapi tidak mahu bersama Presiden (Najib), malah mahu menyingkirkannya dengan cara tidak sah.

"UMNO mempunyai peraturan dan perlembagaan sendiri dengan pemilihan jawatan Presiden dan lain-lain diadakan dengan cara demokrasi, jadi gunakanlah proses itu dengan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa kesal kerana BN pernah bekerja keras mempertahankan dan menidakkan pelbagai tuduhan Kit Siang dan DAP terhadap Dr. Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri, tetapi Dr. Mahathir melupakan sokongan itu, sebaliknya tergamak duduk semeja bersama pemimpin DAP terbabit.

Katanya, BN Melaka turut mengesyorkan supaya Dr. Mahathir dilucutkan semua jawatan yang diberikan kepada beliau, antaranya di syarikat milik kerajaan (GLC) seperti Petronas dan Proton.